

SULIT

1103/1

1103/1
Bahasa
Malaysia
Kertas 1
Ogos
2007
2 ¼ jam



SEKOLAH BERASRAMA PENUH
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2007

BAHASA MALAYSIA

Kertas 1

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu soalan daripada Bahagian B.***
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya kertas jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan rumi atau jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Jadual di bawah menunjukkan statistik komposisi penduduk di Malaysia mengikut kaum. Huraikan pendapat anda tentang **usaha-usaha memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat**. Panjang huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

**KOMPOSISI PENDUDUK MALAYSIA MENGIKUT KAUM
TAHUN 2000 DAN 2010**

Tahun	2000		2010	
	(X 1000)	%	(X 1000)	%
Melayu & Bumiputera	14 564.5	62.6	18 668.2	64.6
Cina	5583.0	24.0	6509.9	22.5
India	1628.6	7.0	1941.7	6.7
Lain-lain	1489.0	6.4	1785.3	6.2
Jumlah	23 265.1	100	28 905.1	100

(Sumber : Rancangan Malaysia Kelapan)
Jabatan Perangkaan Malaysia.

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Remaja hari ini merupakan pemimpin pada masa hadapan. Mereka mesti menyediakan diri dengan ciri-ciri kepimpinan.

Berikan pendapat anda.

2. Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam melahirkan modal insan cemerlang.

Ulas pernyataan tersebut.

3. Pengangkutan awam yang disediakan di negara kita kurang mendapat sambutan masyarakat. Sebagai wartawan, anda ditugaskan untuk mewawancara Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Tujuan wawancara itu adalah untuk mengetahui punca-punca dan langkah-langkah bagi mengatasi masalah tersebut.

Tulis wawancara itu selengkapnya.

4. Rakan anda yang berada di luar negara ingin mengetahui keistimewaan yang terdapat di negara kita dan usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan untuk memajukan sektor pelancongan.

Tulis sepucuk surat kepada rakan anda itu untuk menjelaskan perkara tersebut.

5. Pertandingan penulisan kreatif telah diadakan di sekolah anda. Setiap peserta diminta menulis cerpen yang berkaitan dengan peribahasa. Anda telah memilih peribahasa “Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing”.

Tulis cerpen tersebut sepenuhnya.

KERTAS SOALAN TAMAT